

Headline	PENDAPATAN SEKTOR UTILITI DIJANGKA STABIL SEPANJANG 2024		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Language	Malay
Date	15 Jan 2024	Readership	322,827
Circulation	107,609	Page No	29
Section	Supplement	Journalist	N/A
ArticleSize	481 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 59,234		



# PENDAPATAN SEKTOR UTILITI DIJANGKA STABIL SEPANJANG 2024

**PETALING JAYA:** Sektor utiliti dijangka mengelakkan pendapatan dan aliran tunai yang stabil sepanjang 2024, menurut penanalisis.

Menurut Hong Leong Investment Bank (HLIB) Research, ia disokong oleh permintaan yang mampang, dijamin oleh Kawal Seliaan Berasaskan Insentif dan Ketidakseimbangan Pelepasan Kos Bahan Api (IBR/ICPT) serta perjanjian jangka panjang.

Firma penyelidikan itu berkata, walaupun terdapat kesan margin bahan api negatif terhadap pendapatan Tenaga Nasional Bhd. (TNB) dalam tempoh sembilan bulan 2023 (9BTK2023), namun aliran tunai TNB kekal stabil, dengan jangkaan pulangan kepada pendapatan normal pada 2024 distabilkan oleh harga tenaga.

"Dalam jangka panjang, pendapatan TNB dijangka berkembang dengan pengembangan Rangka Kerja Asas Aset Terkawal Selia (RAB) dan sumbangan baharu daripada pelaburan tenaga boleh diperbaharui," kata HLIB dalam nota kajian.

HLIB turut meramalkan pendapatan mampang untuk Petronas Gas Bhd. pada 2024, memandangkan segmen pemprosesan gas telah memperoleh perjanjian baharu dengan syari-



ALIRAN tunai TNB dijangka kekal stabil didorong oleh ketabilan harga tenaga. - GAMBAR HIASAN

kat induk Petronas bermula dari 2024 hingga 2029.

Selain itu, HLIB menjangkaan YTL Power International Bhd. mengelakkan pendapatan kukuh pada suku akan datang, disokong oleh prestasi kukuh dan margin segmen runcit Sin-

gapura, sumbangan baharu daripada Jordan Attarat, prestasi stabil Jawa Power, dan pemulihara UK Wessex disebabkan oleh tekanan inflasi yang menurun.

HLIB menjangkakan ketabilan yang konsisten dalam divi-

den, dengan TNB menawarkan 55 sen sesaham, Petronas pada 72 sen sesaham, dan YTL Power memberikan pembayaran dividen yang lebih tinggi sebanyak 10 sen sesaham.

Firma itu juga menyatakan keyakinan terhadap kerajaan

**"DALAM JANGKA PANJANG, PENDAPATAN TNB DIJANGKA BERKEMBANG DENGAN PENGEMBANGAN ASAS ASET TERKAWAL (RAB) DAN SUMBANGAN BAHARU DARIPADA PELABURAN TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI."**

dalam mengekalkan komitmen mereka terhadap mekanisme RAB/ICPT untuk mengekalkan keyakinan pelabur terhadap dasar kerajaan semasa dan akan datang.

"Kami mengekalkan narafan *overweight* ke atas sektor utiliti dengan saranan 'beli' untuk YTL Power (harga saranan (TP): RM3.90) dan TNB (TP: RM11), dan saranan 'hold' untuk Petronas Gas (TP: RM17.75)," katanya.